



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Jualan Mega Brunei 2024: merangsang ekonomi melalui berbelanja dalam negeri semasa musim perayaan

Tarikh: 26 Februari 2024

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan menganjurkan acara jualan murah tahunan di peringkat kebangsaan bertajuk Jualan Mega Brunei (JMB) 2024 bermula dari 4 Mac 2024 hingga 23 April 2024 selama 51 hari.
2. Acara jualan murah tahunan ini bertujuan untuk menggalakkan kegiatan aktiviti perusahaan tempatan dan merangsang pertumbuhan ekonomi di dalam negara. JMB 2024 menyediakan platform bagi para peniaga untuk menarik pelanggan dengan menawarkan diskaun dan promosi jualan, dan seterusnya menggalakkan berbelanja dalam negeri semasa musim perayaan, bersempena dengan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.
3. JPES mengalu-alukan penyertaan di kalangan para peniaga termasuk perusahaan tempatan dari pelbagai sektor seperti gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai perabot, kedai-kedai buku serta sukan dan sebagainya, untuk memanfaatkan peluang bagi menawarkan diskaun dan promosi yang menarik serta harga yang kompetitif bagi barang dan perkhidmatan yang ditawarkan di pasaran.

4. Senarai para peserta JMB 2024 akan dimasukkan di dalam ciri “Jualan & Diskaun” di aplikasi mudah alih PenggunaBijak untuk memberikan publisiti kepada peserta dan membantu pengguna untuk berkunjung ke premis-premis perniagaan berkenaan.
5. Di kesempatan ini, JPES mengingatkan peserta JMB 2024 untuk sentiasa menjalankan perniagaan dan acara jualan murah secara beretika dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Acara Jualan Murah, Akta Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261 dan Perintah Paparan Tanda Harga. Ini termasuk mempamerkan tanda harga, diskauan serta terma dan syarat dengan jelas dan betul bagi membantu pengguna untuk membuat pilihan pembelian yang bermaklumat. Notis Acara Harga Jualan Murah yang dikeluarkan oleh JPES hendaklah dipamerkan dengan terang dan jelas di setiap premis perniagaan masing-masing.
6. Borang Makluman untuk menyertai acara JMB 2024 boleh dimuat turun dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak, laman sesawang JPES iaitu www.deps.mofe.gov.bn/cad dan melalui kaunter semasa hari dan waktu bekerja. Borang Makluman yang lengkap boleh dihadapkan bermula hari ini sehingga 2 Mac 2024 melalui e-mel sales@jpes.gov.bn atau dihantar terus ke kaunter pada alamat berikut:

Jabatan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Bilik 2A3:06, Aras 3, West Wing
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan BA1131
Negara Brunei Darussalam

7. Sebarang pertanyaan mengenai JMB 2024 boleh disalurkan melalui e-mel (sales@jpes.gov.bn) atau menghubungi talian 223 0241, semasa waktu pejabat.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Poster JMB 2024



جایتن فرانخعن ایکونومی دان سtantistik
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



AKAN BERMULA!

Peserta akan
tersenarai di



Imbas untuk
menyertai



Jabatan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Tingkat 3, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA 1311